

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT RISDA JAJAHAN KELANTAN TENGAH,
TANAH MERAH, KELANTAN

OLEH

KHATYJAH BINTI ARIFFIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

338

1100045551



LI 14 FPE 2 2006



1100045551

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Risda Jajahan Kelantan Tengah, Tanah Merah, Kelantan / Khatyjah Ariffin.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045551		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI 14 FPE 2 2006

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI PEJABAT RISDA JAJAHAN KELANTAN TENGAH,
TANAH MERAH, KELANTAN.**

OLEH:

**KHATYJAH BINTI ARIFFIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA :

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**


2006

1100045551

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **KHATYJAH BINTI ARIFFIN** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Dimaklumkan di sini, Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan ini.

Yang benar,



Nama : KHATYJAH BINTI ARIFFIN

Tarikh : 17 OKTOBER 2006

Disahkan oleh:



Dr. Ahmad Bazli bin Shafie
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Ekonomi
KUSTEM.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Dr. Ahmad Bazli bin Shafie selaku Penyelia Latihan Industri KUSTEM di atas segala tunjuk ajar, bantuan dan segala nasihat yang telah diberikan sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih di dalam menyiapkan laporan ini. Segala kerjasama yang diberikan amatlah pelatih hargai.

Seterusnya, pelatih juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kakitangan Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Tengah kerana sudi mengambil pelatih untuk menjalani latihan industri di sana. Begitu juga kepada En. Wahid Marican Bin Muhammad Daud Marican serta Pegawai RISDA Jajahan dan En. Abdull Aziz bin Alias, Timbalan Pegawai RISDA Jajahan.

Tidak ketinggalan juga penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia Industri, En. Aminuddin bin Omar yang telah banyak membantu, memberikan tunjuk ajar dan mendedahkan pelatih dengan pelbagai ilmu dan pengalaman yang belum pernah pelatih pelajari dan tempuhi sebelum ini. Sesungguhnya segalanya ilmu yang diberikan oleh beliau kepada pelatih merupakan sesuatu yang dianggap khazanah yang dapat melengkapkan diri pelatih dari segi ilmu dan pengalaman untuk diaplikasikan di alam pekerjaan nanti.

Di samping itu, terima kasih juga kepada kakitangan Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Tengah yang turut memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada pelatih sewaktu menjalani latihan industri. Kerjasama dan segala pertolongan yang diberikan telah memudahkan pelatih untuk menjalani latihan industri sebaik mungkin. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung memberikan pelatih maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pentadbiran pejabat tersebut.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli jawatankuasa Latihan Industri kerana telah bertungkus lumus bekerja dalam melancarkan dan melicinkan lagi proses latihan industri ini. Kesungguhan dan kesabaran serta pengorbanan mereka dalam melayani karenah pelatih-pelatih amatlah dihargai.

Akhir sekali pelatih ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan terima kasih kepada keluarga di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan. Sokongan dan dorongan yang diberikan ini telah banyak membantu pelatih semasa menjalani Latihan Industri.

SENARAI KANDUNGAN

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PENGESAHAN KEASLIAN	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI SINGKATAN/ ISTILAH	viii
SENARAI LAMPIRAN	x
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi
BAB 1: LATAR BALAKANG ORGANISASI	
1.-1 Pengenalan	1
1.1 Sejarah Ringkas Penubuhan	2
1.1.1 Misi Risda	5
1.1.2 Objektif Risda	5
1.1.3 Strategi Pembangunan	5
1.1.4 Kumpulan Sasar	6
1.1.5 Piagam Pelanggan	7
1.2 Maklumat Organisasi	8
1.2.1 Latar Belakang Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Tengah	8
1.2.2 Struktur Organisasi	9
1.2.3 Pembangunan Korporat RISDA	14
1.3 Carta Organisasi	21
1.4 Carta Stesen	22
1.5 Rasional Logo	23
1.6 Fungsi RISDA	24
1.6.1 Fungsi Pejabat RISDA Daerah/Jajahan	25
1.7 Aktiviti Organisasi	26
1.7.1 Pembangunan Tanam Semula & Perladangan	26
1.7.2 Pembangunan Ekonomi Komersial	27
1.7.3 Pembangunan Institusi Pekebun Kecil	28

1.7.4 Pembangunan Ekonomi Tambahan	28
1.7.5 Pembangunan Ahli Isi Rumah	30
1.8 Nilai Dan Etika Kerja RISDA	30
1.8.1 Nilai Kerja	30
1.8.2 Etika Kerja	31
1.9 Kemahiran Dan Pengalaman Yang Diperolehi	33

BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH

2.0 Pengenalan	37
2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	37
2.1.1 Sistem Pengurusan Fail	37
2.1.2 Sistem Maklumat Bersepadu	38
2.1.3 Sistem Maklumat Pekebun Kecil	39
2.1.4 Sistem Peraturan Pentadbiran	40
2.1.5 Sistem Perakam Waktu	40
2.1.6 Sistem Kaunter	41
2.1.7 Sistem Operator	42
2.1.8 Sistem Keselamatan	42
2.1.9 Sistem Perkomputeran	43
2.2 Mengenalpasti Masalah	44
2.2.1 Masalah Dalam Sistem Pengurusan Fail	44
2.2.2 Masalah Dalam Sistem Peraturan Pentadbiran	44
2.2.3 Masalah Dalam Sistem Perakam Waktu	45
2.2.4 Masalah Dalam Sistem Perkomputeran	45
2.3 Cadangan Penyelesaian Terhadap Masalah Sistem	46
2.3.1 Rapatkan Jurang Perjawatan	46
2.3.2 Perbanyakkan Kursus-Kursus Dan Latihan	47
2.3.3 Pengurusan Semula Sistem Fail Secara Berkomputer	47

BAB 3 : ANALISIS SWOT

3.0 Pengenalan	49
3.1 Analisis Swot	50
3.2 Kekuatan (<i>Strengths</i>)	50
3.2.1 Badan Berkanun Yang Dijamin Oleh Kerajaan	50
3.2.2 Mempunyai Tenaga Kerja Yang Ramai	51

3.2.3	Menawarkan Pelbagai Perkhidmatan	51
3.2.4	Penggunaan Teknologi Terkini	52
3.2.5	Mempunyai Anak-Anak Syarikat Sendiri	52
3.2.6	Memonopoli Aktiviti Pengurusan Getah Di Malaysia	54
3.2.7	Keahlian Koperasi Yang Ramai	54
3.2.8	Menjaga Kebajikan Pekerja-Pekerjanya	55
3.2.9	Mempunyai Institusi Pendidikan Yang Tersendiri	55
3.2.10	Memberi Kemudahan Keagamaan Kepada Kakitangan	55
3.3	Kelemahan (<i>Weaknesses</i>)	56
3.3.1	Belanja Mengurus Dan Pembangunan Yang Semakin Meningkatkan	56
3.3.2	Pengangkutan Dan Peralatan Kerja Yang Tidak Mencukupi	56
3.2.3	Kekurangan Peralatan Kerja.	57
3.2.4	Pekerja Yang Tidak Mempunyai Kepelbagaian Kerja.	57
3.2.5	Kelemahan Dalam Menangani Masalah Hutang Dengan Pekebun Kecil	58
3.2.6	Karenah Birokarsi.	58
3.2.7	Kurang Pengetahuan Tentang Teknologi Terkini	59
3.3	Peluang (<i>Opportunities</i>)	60
3.3.1	Kewujudan Dasar Pengkopratan	60
3.3.2	Membuka Tanah-Tanah Baru Di Luar Negara	60
3.3.3	Menubuhkan Pusat-Pusat Penyelidikan Sendiri	61
3.3.4	Meluaskan Aktiviti Pemasaran	61
3.3.5	Memonopoli Aktiviti Penanaman Getah	62
3.3.6	Minat Pelabur Asing Untuk Berkerjasama	62
3.3.7	Meluaskan Penggunaan Teknologi Tinggi	63
3.3.8	Pengeluar Utama Kelapa Sawit	64
3.3.9	Getah Adalah Satu Tanaman Komoniti Utama Negara	64
3.3.10	Menanam Tanaman Integrasi (Sampingan)	65

3.4 Ancaman (<i>Threats</i>)	65
3.4.1 Pengecilan Saiz Struktur Organisasi	65
3.4.2 Perbezaan Budaya, Sosial Dan Ekonomi	66
3.4.3 Persaingan Daripada Pusat Penyelidikan Yang Sedia Ada	67
3.4.4 Kos Pemasaran Semakin Meningkat	67
3.4.5 Persaingan Daripada Getah Tiruan Dari Luar Negara	68
3.4.6 Pengaliran Wang Keluar	69
3.4.7 Peningkatan Perbelanjaan Dalam Penggunaan Teknologi Tinggi	69
3.4.8 Pengurangan Penggunaan Barangan Yang Berteraskan Getah	70
3.4.9 Kekurangan Tenaga Kerja.	70
3.5 Kesimpulan	71
BAB 4 : KESIMPULAN	72
BIBLIOGRAFI	74
LAMPIRAN	

SENARAI SINGKATAN / ISTILAH

RISDA	-	Rubber Industry Smallholder Development Authority
LPGTS	-	Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula
RISPMS	-	Rubber Industry Smallholders Improved Planting Material Scheme
SMB	-	Sistem Maklumat Bersepadu
TS	-	Tanam Semula
TSB	-	Tanam Semula Berkelompok
TSGGI	-	Tanam Semula Getah Ke Getah Integrasi
TSGL	-	Tanam Semula Getah Ke Tanaman Lain
TSK	-	Tanam Semula Getah Komersial
SMPK	-	Sistem Maklumat Pekebun Kecil
RSPSB	-	RISDA Smallholders Plantations Sdn. Bhd.
RSSB	-	Risda Semaian Dan Landskap Sdn. Bhd.
ESPEK	-	Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd.
NARSCO	-	Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad
ERAS	-	ESPEK Research & Advisory Services
ELSB	-	ESPEK Livestock Sdn Bhd
KKSR	-	Kumpulan Kilang Sawit RISDA Sdn. Bhd.
PRB	-	Permodalan RISDA Berhad
PROTEC	-	Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd.
RWSB	-	RISDA Wood Sdn. Bhd.
SHDC	-	Smallholders Development Corporation Sdn. Bhd.

PMC	-	Project Management Consultant
SPKR	-	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
GDW	-	Gerakan Desa Wawasan
PPRT	-	Program Perumahan Rakyat Termiskin
LTC	-	Latex Timber Clone
LITS	-	Sistem Torehan Intensiti Rendah
KPK	-	Koperasi Pekebun Kecil
PWPK	-	Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil
GDW	-	Gerakan Daya Wawasan
PITG	-	Program Integrasi Tanam Semula Getah
AET	-	Aktiviti Ekonomi Tambahan
KRIS	-	Kolej RISDA Sdn. Bhd.
PPR	-	Pembantu Pertanian RISDA
PPRW	-	Pembantu Pertanian RISDA Wanita
SWOT	-	Strength, Weaknesess, Opportunity And Threat
RRIM	-	Unit Khidmat Nasihat Pekebun kecil
LAN	-	Sistem Rangkaian Dalaman
KKLW	-	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KOPKEJAT	-	Koperasi Pekebun Kecil Jajahan Tanah Merah dan Jeli Berhad
IKS	-	Industri Kecil Dan Sederhana
KUSTEM	-	Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 - Gambar-Gambar
- Lampiran 2 - Borang Permohonan Cuti
- Lampiran 3 - Borang Permohonan Cuti Kecemasan
- Lampiran 4 - Borang Permohonan Bantuan Tanam
Semula
- Lampiran 5 - Surat Wakil Kuasa
- Lampiran 6 - Borang Kematian Dan Waris-Warisnya
- Lampiran 7 - Surat Sumpah Oleh Pihak Yang
Berkongsi/ Waris-Waris/ Pemegang Amanah
- Lampiran 8 - Borang Penyemakan Geran Tanah
- Lampiran 9 - Borang Laporan Pemeriksaan Pendahuluan/ Bantuan
Pertama/ Berturut
- Lampiran 10 - Borang Permohonan Bantuan Di Bawah Program Aktiviti
Ekonomi Tambahan RISDA
- Lampiran 11 - Borang Permohonan Projek Ekonomi
(Individu)
- Lampiran 12 - Memori Sepanjang Jalan

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu sebanyak 6 jam kredit. Ini bermakna Latihan Industri ini merupakan salah satu syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan KUSTEM sebelum bergraduasi dan dianugerahkan Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. Tujuan latihan ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan yang didapati sepanjang tempoh menjalani Latihan Industri. Ini juga lebih membantu dalam membantu dalam menyesuaikan diri dalam organisasi dan persekitarannya samada menjalani Latihan Industri di jabatan swasta, badan berkanun ataupun agensi kerajaan.

Disamping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri setiap individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberi pengalaman kepada pelajar khususnya dalam merasai suasana di alam pekerjaan yang akan dialami kelak. Para pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya kerja dan sebagainya yang melibatkan elemen-elemen dalam alam pekerjaan. Selain itu, Latihan Industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. Pelatih telah menjalani Latihan Industri di Pejabat RISDA Jajahan Kelantan Tengah selama 12 minggu bermula dari 17 April 2006 hingga 9 Julai 2006 dan telah ditempatkan di bawah seliaan En Aminuddin bin Omar.

Terdapat beberapa sebab dan objektif menjalani Latihan Industri. Antaranya adalah mendedahkan pelatih kepada dunia pekerjaan yang sebenar. Selain itu, ia juga membantu pelatih dalam merealisasikan dan memperkembangkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan dalam persekitaran pekerjaan, mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan serta dapat mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi lebih-lebih lagi dalam organisasi yang berkaitan dengan bidang pentadbiran. Dengan adanya latihan seperti ini, membolehkan pelatih untuk mempraktikkan kemahiran-kemahiran akademik yang telah dipelajari secara lisan sepanjang menjalani sesi pembelajaran di bilik kuliah. Apa yang paling penting ialah, dengan pengalaman yang diperolehi telah membuka ruang kepada majikan dalam proses membangunkan bakal-bakal graduan khususnya graduan daripada Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).